

27/07/2005

PM-AP

PM ARAH RAFIDAH UMUM SENARAI PENUH PEMEGANG AP

Oleh Salbiah Said

JOHANNESBURG (Afrika Selatan), 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz untuk mengumumkan senarai penuh pemegang Permit Kelulusan (AP) untuk mengimport kereta bagi mengelakkan pandangan negatif daripada orang ramai.

"Okay umumkan kesemuanya, kesemuanya. Tidak perlu untuk dirahsiakan. Kenapa perlu dirahsiakan. Jika dengan merahsiakan, kita wujudkan pandangan negatif, itu tidak betul, itu salah," katanya ketika memberi respons terhadap dakwaan daripada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak mengeluarkan senarai penuh kepada orang ramai.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kontroversi yang berkisar mengenai isu AP di sidang akhbar untuk media Malaysia pada akhir lawatan rasmi tiga harinya ke Afrika Selatan.

Ketika membuat ulasan, Rafidah yang turut berada di sidang akhbar itu berkata beliau akan mengumumkan senarai penuh berkenaan yang termasuk mereka yang memiliki bilik-bilik pameran.

Sebelum itu, Abdullah berkata, beliau tidak berhasrat untuk mengumumkan apa yang telah diumumkan.

"Senarai itu adalah yang terbaru sehingga 2005 dan orang ramai telah melihat senarai terbaru. Jika ada yang tertinggal kerana kelalaian, kami akan umumkan lagi. Tetapi Rafidah dalam kedudukan lebih baik (untuk mengumumkannya). Saya telah umumkan senarai itu pada hari berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau melihat isu AP itu daripada aspek utama.

"Kami mungkin perlu menyemak dasar dan memperkenalkan peraturan yang lebih ketat mengenai pengeluaran AP terbuka untuk mengelakkan salah guna. Mereka sepatutnya mengimport kereta dan menjual kereta dan tidak menjual AP," kata Abdullah.

Mengenai AP francais, beliau berkata kerajaan akan turut menyemak pengeluaran (AP itu) di segi kepentingan di masa hadapan, tetapi menyatakan bahawa beliau bukan dalam kedudukan untuk mengumumkan perincian mengenai perkara itu.

Mengenai keputusan lembaga pengarah Proton yang tidak memperbaharui kontrak Ketua Pegawai Eksekutifnya Tengku Mahaleel Tengku Ariff, beliau berkata ianya adalah keputusan lembaga itu yang dilakukan mengikut peraturan.

Mengenai pengganti Tengku Mahaleel, Abdullah berkata bakal ketua pegawai eksekutif (CEO) akan merupakan seorang yang berpengalaman dan yang telah berkhidmat kira-kira 12 tahun dengan Proton.

"Kita akan melihat siapa yang akan menjadi CEO. Orangnya bukan rakyat asing. Jangan buat spekulasi," katanya ketika diminta mengulas mengenai cakap-cakap bahawa seorang rakyat asing mungkin dilantik untuk menggantikan Tengku Mahaleel.

Abdullah berkata penjelasan mengenai perkara itu perlu dibuat oleh lembaga pengarah Proton.

"Mereka sepatutnya tahu jawapannya. Saya akan memberi lembaga itu peluang akan kata-kata sungguhpun berasa sangsi. Lembaga pegerah itu mesti bertindak demi kepentingan Proton sebagai pengeluar kereta nasional. Mereka perlu ada perasaan mementingkan kereta nasional," kata Perdana Menteri.

"Mereka hendaklah memastikan bahawa Proton telah menunjukkan kemajuan. Itu adalah apa yang hendak saya lihat. Perincian keputusan pengurusan

terpulang kepada mereka untuk membuat keputusannya. Saya akan biarkan mereka untuk membuat keputusan terbaik demi kepentingan lembaga pengarahnya.

"Mereka boleh mempunyai banyak sebab bagi apapun yang telah mereka lakukan. Saya mahu mengingatkan mereka dan membuat kenyataan ini, bahawa keputusan-keputusan hendaklah dibuat demi kepentingan dan kemajuan Proton."

Tengku Mahaleel kini sedang bercuti yang berkuat kuasa pada 26 Julai sebelum bersara pada 30 Sept, 2005.

Ekoran keputusan untuk menamatkan kontrak Tengku Mahaleel, Proton telah melantik Datuk Kisai Rahmat, yang juga pengarah Operasi dan Datuk Kamarulzaman Darus, Ketua Pegawai Eksekutif Proton Tanjung Malim Sdn Bhd, sebagai pegawai-pegawai operasi bersama untuk mengendalikan Proton Holdings Bhd berkuatkuasa 26 Julai.

Selepas sidang akhbar itu, Rafidah memberitahu para pemberita bahawa perasaannya kini "terlalu terhiris" untuk menjawab dakwaan Dr Mahathir itu.

-- BERNAMA

SS FR AHM